

# Kaji kesan penambakan Singapura

KOSMO  
31/1

JOHOR BAHRU - Kerajaan negeri akan melakukan kajian mengenai kesan penambakan oleh Singapura di Pulau Tekong Besar dan Pulau Ubin terhadap aliran air muara Sungai Johor yang berhampiran, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Menurut beliau, kajian terperinci perlu dijalankan terutamanya soal sama ada projek penambakan oleh republik berkenaan telah mengakibatkan kedudukan muara sungai utama itu di negeri ini menjadi semakin

sempit.

"Kita akan melihat sama ada penambakan di Pulau Tekong itu telah mengakibatkan aliran air di bahagian muara sungai tersebut menjadi semakin sempit," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan cek bantuan banjir oleh Yayasan Albukhary dan Bank Rakyat di pejabatnya di sini semalam.

Menteri Besar mengulas kenyataan Pengarah Institut Kejuruteraan Kajian Pantai dan Lepas Pantai Universiti Teknologi

Malaysia (UTM) Prof Madya Dr Ahmad Khairi Abdul Wahab kepada *Bernama* baru-baru ini tentang punca kejadian banjir bes

Dalam temuramah dengan *Bernama* minggu lepas, Ahmad Khairi meminta pihak berkuasa yang sedang merangka pelan menangani banjir di Johor, agar mengambil kira faktor-faktor penyumbang bencana itu, termasuk kesan dari projek penambakan laut oleh Singapura itu.

"Perancangan bagi mengelak banjir besar dari berulang perlu

mengambil kira pelbagai faktor seperti keadaan air pasang tinggi, taburan hujan yang amat tinggi dan keadaan sekarang di mana terdapatnya projek penambakan laut di muara Sungai Johor."

"Penambakan di kedua-dua pulau berkemungkinan menyebabkan laluan air sungai tersekat di muara dan jika berlaku hujan lebat di kawasan pedalaman, maka air yang kebiasaannya boleh keluar dengan lancar akan terhalang," kata Ahmad. - *Bernama*